Soalan Lazim

1. **Siapakah yang layak memohon untuk menyertai Cabaran Ekonomi Jangka Pendek?**

   Mana-mana syarikat berdaftar di salah satu 21 Ekonomi APEC (Australia; Brunei Darussalam; Kanada; Chile; Republik Rakyat China; Hong Kong, China; Indonesia; Jepun; Malaysia; Mexico; New Zealand; Papua New Guinea; Peru; Filipina; Rusia; Singapura; Republik Korea; Chinese Taipei; Thailand; Vietnam; dan Amerika Syarikat) dan mempunyai produk berdaya tahan minimum (minimum viable product, MVP), atau satu produk dalam pasaran, yang dapat mengukuhkan kedudukan kewangan pekerja ekonomi jangka pendek.

   MVP merupakan produk yang mempunyai ciri-ciri yang hanya cukup untuk memenuhi keperluan pelanggan awal dan untuk memberikan maklum balas bagi pembangunan produk tersebut pada masa hadapan. Hal ini bermakna perlu ada produk yang nyata untuk dipersembahkan (sama ada fizikal atau maya) dan bukan sekadar idea di atas kertas.

2. **Apakah jenis penyelesaian yang anda cari?**

   Penyelesaian yang akan menjadi projek rintis di Malaysia. Reka bentuk penyelesaian harus mengambil kira set kekangan dan cabaran unik yang dihadapi oleh pekerja sambilan. Penyelesaian tersebut perlu dapat mengukuhkan kedudukan kewangan pekerja sambilan dengan jelas dan membolehkan mereka meningkatkan perbelanjaan, simpanan, peminjaman atau perancangan. Penyelesaian bahagian belakang (back-end solutions), sama ada model perniagaan yang teknikal atau baharu dan memberikan hasil kewangan yang ketara juga diterima.

3. **Bagaimanakah saya boleh memohon untuk menyertai Cabaran Ekonomi Jangka Pendek ini?**

   Borang permohonan boleh didapati di www.uncdf.org/finlab. Anda boleh menghantar lebih daripada satu permohonan sekiranya produk atau perkhidmatan yang dicadangkan adalah berbeza. Walau bagaimanapun, penganjur hanya akan memilih satu (1) permohonan bagi setiap syarikat.

4. **Bilakah tarikh akhir permohonan?**

   11 Mei 2020 (8:00 pagi, waktu tempatan)

5. **Bagaimanakah saya boleh belajar lebih lanjut mengenai ekonomi jangka pendek supaya saya tahu bahawa cadangan penyelesaian saya adalah sesuai?**

   Anda boleh mendapatkan penyataan masalah (problem statements) yang menerangkan keadaan ekonomi jangka pendek di Malaysia dan kesannya kepada kedudukan kewangan pekerja sambilan di www.uncdf.org/finlab.

6. **Adakah penyelesaian perlu berbentuk penyelesaian kewangan? Perlukah saya menjadi syarikat Fintech untuk memohon?**

   Tidak, penyelesaian tersebut boleh bersifat bukan kewangan namun mempunyai aplikasi kewangan, contohnya aplikasi yang berusaha mencetuskan perubahan tingkah laku. Penyelesaian tersebut perlu menunjukkan nilai bagi pengguna akhir dan menyumbang kepada usaha mengukuhkan kedudukan kewangan mereka.

7. **Bagaimanakah penyelesaian tersebut akan dinilai dalam proses pemilihan?**

   Pusingan pertama pemilihan permohonan akan dinilai mengikut kriteria yang dinyatakan di bawah ini:

   - Impak: Pertimbangan termasuk produktiviti, keuntungan, pengalaman ketika menggunakannya, pengurusan risiko, pemindahan ilmu, dan kegunaannya melangkaui sektor kewangan.
   - Praktikal: Contoh termasuk kes pelaksanaan, mencapai tahap yang dikehendaki (scalability), dan keberkesanan dari segi kos.
   - Saling boleh kendali: Keupayaan untuk penyelesaian tersebut berinteraksi dengan sistem lain.
   - Keunikan dan Kreativiti: Sejauh mana penyelesaian tersebut berbeza dengan penyelesaian yang ada sekarang. Satu kemungkinan adalah melalui pendekatan/teknologi yang digunakan bagi menangani masalah khusus.

8. **Apakah tujuan bootcamp diadakan di Malaysia?**

   Bootcamp merupakan bahagian penting perjalanan rangkuman inovasi yang dibangunkan oleh UNCDF. Pengaturcaraan program telah dibangunkan bagi membolehkan penyedia penyelesaian (solution providers) mencipta dan mengemas kini penyelesaian berdaya maju komersial yang mampu memenuhi keperluan pengguna akhir. Kesemua bootcamp ini melibatkan proses pemikiran reka bentuk dan lawatan tapak.

9. **Jika saya terpilih dan saya berasal dari negara APEC selain Malaysia, apakah keperluan visa untuk datang ke Malaysia?**

   Keperluan visa adalah berbeza mengikut kerakyatan dan semua pelancong bertanggungjawab untuk mendapatkan visa mereka sendiri. UNCDF akan memberikan surat undangan bagi menyokong proses tersebut.

10. **Jika situasi COVID-19 berterusan sehingga tempoh bootcamp yang dijadualkan selama empat minggu di Kuala Lumpur (secara tentatif, bila-bila masa antara bulan Jun hingga September 2020), apakah kesannya kepada peserta yang terpilih?**

    Pihak berkuasa sedang memantau perkembangan COVID-19 dengan teliti. Pihak penganjur akan memaklumkan berita terkini tentang bootcamp apabila hampir dengan tarikh yang dipilih.

11. Adakah terdapat had/sekatan terhadap penggunaan wang geran ini?

Geran yang berjumlah sehingga USD30,000 ini akan ditadbir urus melalui perjanjian berasaskan prestasi yang ditandatangani semua pihak yang terlibat. Wang tersebut hanya boleh digunakan untuk aktiviti berkaitan produk rintis/projek yang telah dikemukakan seperti yang dipersetujui bersama.

12. Dari manakah sumber data (menjelang tahun 2023, ekonomi jangka pendek global dari segi jumlah kasar dijangka meningkat daripada USD200 bilion kepada USD455 bilion)?

Kertas Kerja Latar Belakang APEC 2020 Malaysia - Priority Area 2: Inclusive Economic Participation Through Digital Economy and Technology (hlm. 1), seperti yang dipetik daripada Mastercard and Kaiser Associates (2019), Mastercard Gig Economy Industry Outlook and Needs Assessment: The Global Gig Economy: Capitalizing on a ~$500B Opportunity, Mei 2019.